

MANIPULASI DALAM SKIM AR-RAHNU DI MALAYSIA

Azlin Alisa Ahmad^{1,a}, Nurul Ilyana Muhd Adnan^{2,b}

^{1,2}Pusat Fiqh Kontemporari & Pematuhan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

^aazlinalisa@ukm.edu.my, ^bilyana_adnan@ukm.edu.my

Abstrak. Mutakhir ini, skim ar-rahnu sering kali dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggung jawab yang cuba melakukan penipuan dalam pelaburan emas dengan menggunakan platform ar-rahnu. Mereka akan memperkenalkan skim-skim yang kononnya mampu menjana keuntungan yang banyak dan menjanjikan bahawa tidak akan berlaku sebarang kerugian dalam skim yang ditawarkan. Keadaan ini menjadikan pelanggan mudah terpedaya kerana mereka menganggap pelaburan emas mampu menjana keuntungan yang banyak. Namun, sekitar tahun 2010 hingga 2013, kemasyhuran pelaburan emas telah menimbulkan isu penipuan di kalangan mereka yang tamak dan ingin mengambil kesempatan di atas pergerakan harga emas. Keadaan ini adalah rentetan dari jangkakan kenaikan harga emas di antara 20 hingga 40 peratus setahun, sedangkan upah simpan emas hanyalah antara 8-10 peratus setahun. Berdasarkan isu tersebut, maka kajian ini bertujuan untuk mengkaji bentuk-bentuk manipulasi dalam skim ar-rahnu yang dijalankan di Malaysia. Kajian ini bersifat kualitatif dengan memilih analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa teknik utama yang boleh digunakan oleh ‘pelabur’ untuk mendapatkan keuntungan dengan memanipulasikan skim ar-rahnu. Antaranya adalah teknik asas, teknik tukar surat dan teknik tukar barang. Mereka akan memanipulasi skim ar-rahnu dengan melakukan teknik membeli emas, seterusnya menggadai emas tersebut, kemudian beli emas lagi dan lagi. Manakala di dalam teknik tukar surat terbahagi kepada tiga iaitu teknik beli gadai iaitu tukar surat, teknik gadai secara tukar surat dan teknik tukar surat secara tebus jual. Teknik tukar barang pula terdiri daripada teknik tukar barang separuh, teknik gadai dengan tukar barang, teknik tukar surat kemudian tukar barang dan teknik tukar barang berulang.

Pendahuluan

Ar-rahnu membolehkan masyarakat Islam dapat menikmati kemudahan kredit mikro, khususnya kepada mereka yang memerlukan wang atau modal untuk pelbagai tujuan. Antaranya, dapat membantu golongan yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan wang sebagai modal perniagaan secara kecil-kecilan dan lain-lain aktiviti yang produktif bagi membangun sosio ekonomi ummah. Pembentukan Skim ar Rahnu juga membolehkan umat Islam melakukan gadaian berlandaskan syariah dan tidak lagi terlibat dengan riba (<http://www.yapeim.net.my/ar-rahnu-yapeim/>). Dengan kata lain, tujuan ar rahnu hanyalah untuk membantu mereka yang kesempitan wang, bukannya mencari keuntungan melalui pelaburan emas melalui pajak gadai di ar-rahnu.

Pelaburan emas dilihat mampu menjana keuntungan yang banyak menjadikan aktiviti tersebut popular di pasaran masa kini. Namun, pada sekitar tahun 2010 hingga 2013, kemasyhuran pelaburan emas telah menimbulkan isu penipuan di kalangan mereka yang tamak dan ingin mengambil kesempatan di atas pergerakan harga emas. Keadaan ini adalah rentetan dari jangkakan kenaikan harga emas di antara 20 hingga 40 peratus setahun, sedangkan upah simpan emas hanyalah antara 8-10 peratus setahun. Ini bermakna, perkiraan antara upah simpan yang dikenakan oleh ar rahnu dengan purata kenaikan harga emas, didapati bahawa keuntungan daripada kenaikan harga emas adalah jauh lebih tinggi daripada caj upah simpan. Manipulasi pelaburan emas ini berlaku hasil daripada kreativiti individu mahupun sesebuah organisasi untuk memperoleh keuntungan berlipat kali ganda dengan menggunakan sistem pajak gadai Islam ar-rahnu. Ekoran daripada keuntungan yang diperolehi, maka skim ar-rahnu telah digunakan oleh para pelabur emas untuk mendapatkan liquiditi tambahan bagi memaksimumkan jumlah pelaburan emas mereka (Lukmanulhakim et al. 2012).

Teknik Manipulasi ar-Rahnu

Teknik manipulasi skim ar-rahnu ini bermaksud teknik yang memanfaatkan pinjaman ar-rahnu untuk beli lagi emas dengan harapan emas yang dibeli dengan pinjaman ar-rahnu dapat dijual apabila harga emas naik melebihi ‘kos manipulasi’ (Mohd Zulkifli 2013). Pemilik emas pula memperoleh dua keuntungan iaitu:

- 1) Untung pertama: untung kenaikan harga emas dalam simpanan ar-rahnu yang masih lagi milik kita.
- 2) Untung kedua: untung kenaikan harga emas yang dibeli dengan duit pinjaman ar-rahnu yang ada di tangan.

Teknik pelaburan emas yang menguntungkan ialah teknik beli emas, gadai emas dan beli emas lagi dan lagi. Akan tetapi syarat untuk memperoleh keuntungan ini ialah, kenaikan harga emas mestilah melebihi dua kos dan kenaikan itu mestilah

dalam tempoh pajakan. Sekiranya kenaikan harga emas tidak melebihi kos dalam tempoh 6 bulan, maka pelabur tidak akan memperoleh keuntungan, sebaliknya terpaksa menanggung kerugian yang banyak. Kos yang perlu diambil kira ialah (Zafuan 2014):

Kos 1- Susut nilai emas yang dibeli dengan duit pinjaman ar-rahnu. Susu nilai emas dikenali juga dengan *spread*. Kebiasaannya, syarikat akan mengenakan susut nilai ke atas nilai emas semasa apabila membeli balik emas yang dikeluarkan olehnya. Setiap syarikat yang menjual emas adalah berbeza-beza nilai susutnya. Nilai *spread* hanya diketahui apabila kita mengetahui berapakah harga jualan dan harga belian sesuatu syarikat.

Kos 2- Kos “upah simpan” di ar-rahnu. Kos sebenar pajakan ar-rahnu juga berbeza mengikut ar-rahnu itu sendiri. Kebiasaannya, kos upah simpan di ar rahnu ialah RM0.65 (dan ada juga mengikut peratus) bagi setiap RM100 nilai emas yang disimpan (bukan nilai pinjaman) dan ada juga mengikut jadual kadar *marhun*. Semakin tinggi nilai emas yang disimpan, semakin tinggi kos upah yang dikenakan. Kadang kala, semakin panjang tempoh emas tersebut dicagar dalam ar-rahnu, semakin tinggi juga kos upah yang mesti dibayar. Keuntungan hanya akan diperolehi sekiranya harga emas meningkat melebihi kos upah simpan ini. Sekiranya harga emas tidak meningkat, pembeli akan terbeban dengan kos upah di ar rahnu sahaja, malah kemungkinan akan memperoleh kerugian kerana terpaksa membayar kos upah simpan semata-mata.

Pembahagian Manipulasi Ar-Rahnu

Manipulasi ar-rahnu ini terbahagi kepada beberapa teknik, antaranya:

1) **Rempit Emas (pajak emas dan beli lagi emas fizikal).** Istilah yang agak popular di kalangan penjual emas iaitu ‘rempit emas’. Ianya merupakan istilah yang diambil dari istilah ‘Rempit OD (overdraft)’ iaitu satu teknik di mana pembeli akan memajakkan emas yang dibeli, kemudian duit pajakan tersebut akan digunakan untuk beli lagi emas fizikal untuk di pajak lagi. Proses ini dikatakan berulang-ulang semaksima yang mungkin bergantung kepada modal yang telah dikeluarkan. Wang terakhir hasil pajakan tersebut digunakan untuk membeli emas dan disimpan sebagai modal untuk membayar balik pinjaman ar-rahnu yang pertama.

Kaedah yang digunakan adalah seperti berikut (Salihan 2011):

- 1) Andaikan seseorang individu memiliki wang tunai sebanyak RM 30,000. Katakan harga emas ialah 20g = RM3000 dan 1 dinar = RM 650. Untuk melakukan rempit emas, seseorang perlu menggunakan kesemua wang berjumlah 30,000 tersebut untuk membeli emas. Jadi, beliau akan memperoleh 20gram x 10 keping = RM 30,000. Ketika harga emas rendah, beliau boleh membawa emasnya sebanyak 10 keping 20 gram emas di mana-mana cawangan ar-rahnu untuk pajak. Andaikan beliau boleh dapat pinjaman pajakan sehingga 70% dan tempoh pinjaman sehingga 6 +6 +6 = 18 bulan. Manakala kadar bagi upah simpan hanyalah serendah 0.60 sen hingga 0.70 sen. Jadi, beliau akan memperoleh wang tunai sebanyak RM 21,000 hasil daripada pajakan kesemua 10 keping emas.
- 2) Kemudian, individu berkenaan boleh membeli lagi emas fizikal lain dengan hasil pajakan RM 21,000 tersebut. Beliau akan memperoleh sebanyak 7 keping emas 20 gram 7 x 3,000 = RM 21,000. Ini bermakna, dengan hanya bermodalkan wang sebanyak RM 30,000, seseorang mampu memiliki 17 keping seberat 20g (RM 51,000). Bagi merempit emas untuk mendapat keuntungan yang lebih banyak, hasil pajakan kali kedua tersebut juga akan digunakan untuk membeli lagi emas fizikal yang lain. Proses 1 dan 2 ini akan diulang-ulang sehingga semaksima yang boleh bergantung kepada jumlah modal yang dikeluarkan oleh pemajak (marhun).
- 3) Pemajak atau peminjam ini mesti memastikan bahawa mereka sentiasa memiliki dan menyimpan emas fizikal. Apabila harga emas naik, maka pemajak boleh menjual emas fizikal yang berada ditangan mereka. Hasil jualan emas berkenaan boleh digunakan oleh pemajak untuk menebus kembali emas di dalam ar-rahnu. Pemajak perlulah mengulangi proses ini sehingga kesemua emas yang disimpan di ar-rahnu habis ditebus.
- 4) Di akhir proses, pemajak akan mendapat semula emasnya yang pertama. Mereka akan memperoleh keuntungan yang banyak kerana jualan emas hasil gadaian pada harga tinggi boleh menampung kos upah simpan di ar-rahnu bagi emas-emas yang digadaikan.

2) Teknik belian 30:70. Antara teknik yang lain bagi manipulasi emas ialah teknik belian 30:70 yang dipopularkan oleh Etika Emas (Syukor Hashim 2014). Etika Emas ini merupakan sebuah syarikat anak Melayu, atau nama penuhnya Etika Emas Estet Sdn. Bhd. yang diantaranya melakukan skim pelaburan emas berkonsepkan manipulasi ar-rahnu. Namun, syarikat ini telah diburu oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2010 kerana menyebabkan kerugian dan penipuan

terhadap para pelabur. Teknik ini bermaksud, pembeli hanya menanggung 30% daripada nilai emas yang dibeli manakala baki 70% ditanggung oleh pihak penjual. Sedangkan hakikatnya baki 70% perlu dibayar setelah mendapat wang pajakan dari ar-rahnu.

Teknik yang digunakan oleh pelabur emas ialah membeli emas tanpa bayaran penuh, seterusnya emas berkenaan akan dibawa ke mana-mana cawangan ar-rahnu untuk dipajak bagi mendapatkan wang pinjaman. Wang pinjaman yang diperoleh itu kemudiannya akan digunakan untuk membayar sepenuhnya harga emas. Teknik ini diminati kerana pembeli tidak memerlukan modal yang banyak. Penjual atau pun ejen akan membawa bakal pembeli ke ar-rahnu dan memajak atas nama pembeli dan pinjaman yang diperolehi beserta modal sendiri diserahkan kepada penjual seterusnya emas yang digadai menjadi milik pembeli. Modus operasi bagi teknik 30:70 adalah seperti berikut:

- 1) Contohnya, harga emas pada satu masa pertama ialah RM200 bagi satu gram. Untuk membeli sebanyak 100 gram, seseorang perlu mempunyai RM20,000.
- 2) A yang hanya bermodalkan RM6,000 dibawa oleh B (penjual/ejen) ke pusat pajak gadai, dan B memajakkan emas 100 gram di atas nama A, seterusnya A mendapat pinjaman sebanyak RM14,000. (70% daripada harga marhun).
- 3) Dengan wang pinjaman RM14,000 ditambah modal sendiri sebanyak RM6000, A menjelaskan harga emas 100 gram kepada B sebanyak RM20,000.
- 4) A mendapat surat pajak gadai dan perlu menjelaskan hutangnya dengan pusat pajak gadai serta upah simpanan, sedangkan hasil gadaian keseluruhan emas semuanya diambil oleh penjual/ejen (B).

Akibat daripada skim 30:70 ini, A terpaksa menanggung kerugian modal yang dikeluarkannya. Malah, setiap bulan A dikenakan caj upah simpan. Untuk menebus emas 100 gram tersebut, A tidak mempunyai wang lagi. A dinasihatkan untuk membuat overlap surat gadai untuk digunakan sebagai bayaran upah simpan. Namun, hakikatnya overlap menambahkan lagi hutang. Tidak ada sebarang jaminan beli balik emas oleh B, sebaliknya A harus menyelesaikannya sendiri. Sekiranya emas dijual kepada pihak ke 3, susut nilai emas menjadi lebih tinggi dan akan menyebabkan A menanggung lebih banyak kerugian. Akan tetapi, itulah penyelesaian yang biasanya terpaksa dibuat oleh mangsa sindiket skim 30:70.

3) Tembaga disadur emas. Terdapat juga modus operandi dalam kes sebuah bank tempatan ditipu RM75 juta iaitu dengan menyadurkan kepingan tembaga menggunakan emas tulen. Disebabkan itu, pihak bank gagal mengesan ketulenan emas berkenaan ketika membuat tapisan pertama melalui timbangan menyebabkan pihak bank meluluskan pinjaman. Pencagar yang merupakan mangsa penipuan itu digunakan oleh ahli sindiket yang dikesan telah beroperasi sejak September 2011 dengan bayaran upah antara RM300 dan RM800 (<http://tamisgoldc.blogspot.my/2012/07/tipu-bank-tembaga-disadur-emas-tulen.html>)

ANALISIS SYARIAH MANIPULASI AR-RAHNU

Manipulasi berkaitan emas umpama bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan di akhir zaman ini, ditambah lagi dengan ideology dan slogan pelaburan 'islamik' yang diada-adakan menjadikan mereka yang tamak mengejar keuntungan mengalami kerugian yang besar. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke-96 yang bersidang pada 13-15 Oktober 2011 telah membincangkan 'Parameter Pelaburan Emas'. Parameter ini mengandungi sejumlah garis panduan untuk dipatuhi oleh pelabur Muslim dalam aktiviti pelaburan emas (<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/parameter-pelaburan-emas>).

a. Analisis syariah bagi teknik rempit emas. Jika ditinjau penggunaan teknik rempit emas dari sudut hukum fiqh, didapati bahawa tiada unsur-unsur yang bercanggahan dengan syarak sekiranya pembelian emas dilakukan memenuhi syarat-syarat pembelian emas yang telah ditetapkan, terutama dari sudut pembayaran dan penyerahan emas. Ini kerana membeli emas menggunakan wang yang dipinjam daripada pihak lain adalah dibenarkan oleh syarak. Justeru, penggunaan skim pajak gadai boleh dikatakan sebagai isu berasingan yang tidak berkaitan secara langsung dengan hukum pelaburan emas (Lukmanulhakim 2012).

Walaupun bagaimanapun, dalam hal ini, **Parameter Pelaburan Emas No 21** hendaklah diambil perhatian.

- Parameter Pelaburan Emas No 21: Seseorang yang membeli emas bebas mengendalikan (tasarruf) emasnya termasuk menjadikannya sebagai pajakan untuk mendapat wang secara hutang, selagi konsep ar-rahnu yang digunakan adalah bertepatan dengan hukum Syarak. Namun secara teorinya, perkara ini seharusnya tidak digalakkan kerana secara tidak langsung ia menggalakkan aktiviti berhutang di dalam keadaan yang tidak perlu.

b. Analisis syariah teknik belian 30:70. Di dalam pelan ini, perkara penting yang perlu dikenal pasti ialah bilakah berlakunya kontrak jual beli emas antara A dan B. Dua kemungkinan yang berlaku iaitu, ia berlaku sebelum akad *rahnu* dengan pusat pajak gadai atau ia berlaku selepas akad *rahnu*. Sekiranya akad jual beli emas berlaku sebelum akad *rahnu*, kemudian A meletakkan emas di pusat pajak gadai untuk mendapatkan pinjaman wang, bermakna A hanya membayar sebahagian harga emas sahaja ketika membelinya. Dalam situasi ini, A membeli emas secara ansuran dengan dua peringkat pembayaran iaitu; bayaran pertama menggunakan modalnya sendiri (iaitu RM6,000 dalam contoh di atas) dan kemudian bayaran kedua (RM14,000) selepas mendapat pinjaman dari pusat pajak gadai. Sekiranya antara bayaran pertama dan kedua terdapat pemisahan dari majlis akad, maka ia adalah satu bentuk penangguhan dalam serahan bayaran yang tidak dibenarkan syarak. Ini menyalahi satu syarat jual beli emas dan menyalahi **Parameter Pelaburan Emas No. 16**.

Sekiranya dikatakan bahawa akad jual beli emas berlaku selepas A mendapat pinjaman dari pusat pajak gadai, maka persoalannya apakah hubungan A dengan emas yang digadai untuk mendapatkan pinjaman ketika itu? Adakah B memberi pinjaman emasnya kepada A untuk digadai? Jika demikian, pinjaman emas adalah sama hukumnya dengan qard, dan ini bermasalah kerana A tidak akan memulangkan semula emas kepada B, sebaliknya membayar harga dengan wang tunai. Ia juga membawa kepada kaedah setiap qard yang membawa manfaat (kepada pemberi qard) maka ia adalah riba.

Mungkin penyelesaian kepada pelan ini boleh dilakukan dengan bantuan teknikal antara dua pihak berkontrak dan pihak pajak gadai. Antaranya dengan cara A membuat pinjaman dari pusat pajak gadai, tetapi emas masih tidak digadai kepada pusat pajak gadai. Pada ketika itu, A boleh membuat *wa'd* (janji) kepada pusat pajak gadai untuk menggadai emasnya. A kemudian membeli emas daripada B dengan menggunakan wang pinjaman ditambah dengan wangnya sendiri. Apabila selesai akad jual beli emas, barulah A menyerahkan emasnya kepada pusat pajak gadai untuk disimpan (Lukmanulhakim 2012).

- **Parameter Pelaburan Emas No. 16:** Penangguhan penyerahan harga yang tidak dibenarkan adalah meliputi pembelian secara hutang secara keseluruhan atau pembelian secara bayaran ansuran.

Penutup

Manipulasi ar-rahnu yang dilakukan oleh sebahagian golongan dilihat telah mencemarkan konsep asal ar-rahnu. Walaupun ianya dilihat tidak melanggar hukum syarak, akan tetapi sebahagian ulama' dan pakar fiqh muamalat seperti Dr Zaharudin mencegah daripada melakukan perbuatan ini kerana dilihat menyalahgunakan konsep asal ar-rahnu yang bertujuan kebajikan.

Bukan itu sahaja, bahkan disebabkan manipulasi inilah, wujudnya mangsa-mangsa yang ditipu dan ditindas disebabkan kekurangan ilmu. Mereka terpedaya dengan konsep perniagaan 'Islamik' yang menjanjikan keuntungan lumayan, namun terkandas di pertengahan jalan. Bukan sahaja kehilangan wang yang dianggap sebagai modal, bahkan dibebani hutang dari ar-rahnu manakala emas yang dijanjikan dilelong untuk menyelesaikan hutang yang ada. Bak kata pepatah Melayu, untung secupak, rugi segantang. Bahkan ianya bukan sahaja memanipulasikan sistem ar-rahnu yang asalnya berkonsepkan dengan konsep 'tabarru' iaitu kebajikan bahkan bercanggah dengan syarat jual beli barangan ribawi dalam fiqh muamalat Islam. Oleh yang demikian, pentingnya bagi seseorang dalam menuntut ilmu agar terselamat daripada penipuan oleh agensi yang menjanjikan keuntungan segera.

Rujukan

Lokmanulhakim Hussain, Mohamed Fairouz Abdul Khir, Mohd Bahroddin Badri & Apnizan Abdullah. 2012. Analisis Syariah Terhadap Produk-Produk Pelaburan Emas Di Malaysia. Research Paper no 36. International Shariah Research Academy for Islamic Finance.

Mohd Zulkifli. 2013. 5 Tips manipulasi ar-rahnu cara selamat. <http://www.mohdzulkifli.com/2013/10/tips-manipulasi-ar-rahnu-cara-selamat.html>

Parameter Pelaburan Emas. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/parameter-pelaburan-emas> Wan Noor Hayati. 2012. 740 pencagar emas palsu dikesan. Utusan Melayu (M) Bhd. http://www1.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20120727/je_02/740-pencagar-emas-palsu-dikesan

Salihan Mohd Juri. 2011. <http://teamoverdrafblogspot.my/2011/01/apa-itu-teknik-rempit-emas.html>

Syukor Hashim. 2014. Masalah dengan Skim Pelaburan Emas Ar-rahnu @ 30:70 <http://jutawanemas.com/v1/ar-rahnu/masalah-dengan-skim-pelaburan-emas-ar-rahnu-3070/>

Tipu Bank: Tembaga Disadur Emas Tulen. <http://tamisgoldc.blogspot.my/2012/07/tipu-bank-tembaga-disadur-emas>

tulen.html

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. <http://www.yapeim.net.my/ar-rahnu-yapeim/>

Zafuan Karim. 2014. 5 Tips manipulasi ar-Rahnu cara selamat. <https://es.scribd.com/.../5-Tips-Manipulasi-Ar-Rahnu>